

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	14/12/2010

Tun M ulas laporan WikiLeaks terhadap kegiatan liwat Ketua Pembangkang

# Kuan Yew tahu kisah Anwar

Oleh WANDA IDRIS  
pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR 13 Dis.** - Aktiviti liwat membabitkan Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim sememangnya sudah diketahui umum tetapi ada kalangan parti politik yang 'buat- buat tidak tahu' akan hal tersebut.

Sambil mengakui yakin Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew mengetahui mengenai pembabit-an Anwar dalam aktiviti liwat, bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata:

"Memang saya pun fikir dia tahu... Tapi parti politik yang buat tak tahu," katanya ketika diminta mengulas laporan WikiLeaks mengenai pendedahan agensi perisikan Singapura terhadap kegiatan liwat Anwar.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyampaikan syarahan bertajuk *Globalizing Malaysians in 2020* di Universiti Tenaga Nasional (Uniten) di Bangi, dekat sini, hari ini.

Akhbar hari ini melaporkan agensi perisikan republik itu meng-

esahkan aktiviti liwat Anwar berdasarkan bukti risikan teknikal agensi tersebut yang dipercayai melalui pintasan talian komunikasi negara.

Pendedahan itu dibuat oleh laman web tersebut berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada kabel Jabatan Negara Amerika Syarikat bertarikh November 2008.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir berkata, sama ada Ketua Pembangkang itu bersalah atau tidak, ia terpulang kepada sistem kehakiman negara.

Sementara itu, ketika ditemui pemberita selepas melancarkan cawangan terbaru *The Loaf* di Bangsar Village II di sini, Dr. Mahathir yang ditanya mengenai diplomat republik itu mengutuk Malaysia sebagai antara negara Asia yang korup, tidak cekap dan bodoh, berkata, diplomat republik itu terlalu terikat dengan pandangan Kuan Yew.

"Kita juga mempunyai pandangan tersendiri mengenai mereka. Kita rasa mereka terlalu rigid sehingga tidak boleh melihat selain daripada apa yang Kuan Yew katakan," katanya.



DR. Mahathir Mohamad diiringi Pengerusi Uniten, Tan Sri Leo Moggie melambaikan tangan selepas menyampaikan syarahan dan soal jawab dengan pelajar Uniten pada Siri Syarahan Tun Dr. Mahathir di Bangi, semalam.